

CABARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN TERBIAR

SUHAILI BINTI YUNUS

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya projek sarjana ini dapat disiapkan. Amatlah besar harapan saya agar kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak terutamanya para pengkaji akan datang dalam mengembangkan ilmu pengetahuan berkaitan tanah pertanian terbiar.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Penyelia Projek Sarjana, Dr. Ainur Zaireen binti Zainudin kerana tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Begitu juga kepada panel peperiksaan lisan (VIVA-VOCE), Dr. Robiah binti Suratman dan Dr. Wan Ibrisam Fikry bin Wan Ismail, terima kasih kerana telah membantu dalam memberikan komen dan ulasan bagi menambahbaik kajian ini. Tidak lupa juga Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah), Program Pesisir Ipoh, Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan semua pensyarah Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan kepada kami, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kalian semua.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua responden dan agensi yang terlibat, warga Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, serta Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah di atas kerjasama terbaik yang telah diberikan bagi merealisasikan kajian ini.

Buat sahabat-sahabat Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah), Program Pesisir Ipoh seramai 31 orang yang sama-sama berjuang dari awal sehingga akhir pengajian ini, mohon halalkan segala ilmu pengetahuan yang diberikan. Segala jerit perih, dugaan dan cabaran sepanjang pengajian akan digantikan dengan kejayaan dan kecemerlangan, InsyaAllah. Tahniah kepada semua.

Terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian “Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar” ini. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas budi baik semua.

ABSTRAK

Isu tanah terbiar telah menyebabkan pengurangan hasil import pertanian sebanyak berbilion Ringgit, berlaku di negara ini. Pelbagai langkah yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), yang kini dikenali dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Pertanian dalam menangani isu ini. Pembangunan tanah pertanian terbiar merupakan antara penyelesaian isu tanah terbiar, selain daripada penguatkuasaan undang-undang dan pengambilan tanah. Kajian-kajian lepas lebih menumpukan kepada punca dan cara mengatasi tanah terbiar, tetapi tidak banyak mengenai agensi pelaksana yang membangunkan tanah pertanian terbiar. Maka, matlamat kajian ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar. Terdapat dua objektif kajian ini iaitu mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar dan mencadangkan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen bagi data sekunder dan temu bual separa struktur bagi data primer, serta melibatkan seramai tujuh orang responden daripada agensi pelaksana pembangunan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dan kuasi bagi memperoleh hasil dapatan untuk mencapai objektif kajian. Pengkaji mendapati terdapat tujuh cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar iaitu keadaan fizikal tanah, kesulitan dan kelewatan hal ehwal tanah, kemudahan infrastruktur, kerjasama daripada pemilik tanah/ peserta/ agensi, tenaga kerja, kos pembangunan tanah dan serangan haiwan perosak. Hasil kajian juga mendapati terdapat empat cadangan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar iaitu penyelesaian dan penguatkuasaan isu tanah, penubuhan jawatankuasa, penambahan peruntukan dan kerjasama antara agensi. Kajian ini penting supaya keberkesanan pelaksanaan pembangunan tanah terbiar ini dapat dipertingkatkan dan isu tanah terbiar dapat diatasi.

ABSTRACT

Idle agriculture land issue has led to a reduction in national agricultural import revenue worth billion Ringgit. Various measures have been taken by the government, especially the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA), which is now known as the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) and the Department of Agriculture in addressing this issue. The development of idle agriculture land is one of the solutions to the idle land issue, apart from law enforcement and land acquisition. Past studies have focused more on the causes and ways of overcoming idle land, but not much on implementing agencies that develop idle agriculture land. Therefore, the goal of this study is to increase the effectiveness of the implementation of idle agriculture land development. There are two objectives of this study which is to identify the challenges faced by implementing agencies in developing idle agriculture land and suggest improvements to the implementation method of idle agriculture land development overall. The methodology of this study uses a qualitative approach, namely the method of document analysis for secondary data and semi-structured interviews for primary data, as well as involving a total of seven respondents from the the implementation agencies of idle agriculture land development in Perak Tengah District. The data obtained were analysed using thematic and quasi-analytical methods to obtain the findings to achieve the objectives of the study. The researcher found that there are seven challenges faced by implementing agencies in developing idle agriculture land, namely physical condition of the land, difficulties and delays in land affairs, infrastructure facilities, cooperation from landowners/ participants, agencies, labor, land development costs and pests. The results of the study also found that there are four suggestions for improvement to the implementation method of idle agriculture land development, namely the resolution and enforcement of land issues, the establishment of committees, the increase of allocations and cooperation between agencies. This study is important so that the effectiveness of the implementation of this idle land development can be enhanced and the issue of idle land can be addressed.

ISI KANDUNGAN

| | TAJUK | MUKASURAT |
|--------------|---|-------------|
| | PENGAKUAN | iii |
| | DEDIKASI | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | ABSTRAK | vi |
| | ABSTRACT | vii |
| | ISI KANDUNGAN | viii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xix |
| BAB 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.3 Matlamat Kajian | 9 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 9 |
| | 1.5 Skop Kajian | 9 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.6.1 Kerajaan Negeri Perak | 10 |
| | 1.6.2 Pentadbiran Daerah dan Agensi Pelaksana | 11 |
| | 1.6.3 Pemilik Tanah, Peserta dan Masyarakat | 11 |
| | 1.7 Metodologi Kajian | 12 |
| | 1.7.1 Pendekatan Kajian | 12 |
| | 1.7.2 Peringkat-peringkat Utama Kajian | 12 |
| | 1.7.2.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan | 13 |
| | 1.7.2.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur | 13 |
| | 1.7.2.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data | 14 |

| | | | |
|--------------|---------|--|-----------|
| | 1.7.2.4 | Peringkat Keempat: Analisis Data | 18 |
| | 1.7.2.5 | Peringkat Kelima: Kesimpulan dan Cadangan | 18 |
| 1.8 | | Susunatur Bab | 20 |
| | 1.8.1 | Bab Satu | 20 |
| | 1.8.2 | Bab Dua | 20 |
| | 1.8.3 | Bab Tiga | 21 |
| | 1.8.4 | Bab Empat | 21 |
| | 1.8.5 | Bab Lima | 21 |
| BAB 2 | | KAJIAN LITERATUR | 23 |
| 2.1 | | Pendahuluan | 23 |
| 2.2 | | Definisi Tanah Terbiar | 24 |
| 2.3 | | Faktor-faktor Kewujudan Tanah Terbiar | 27 |
| | 2.3.1 | Faktor Fizikal dan Semulajadi | 27 |
| | 2.3.2 | Faktor Ekonomi | 29 |
| | 2.3.3 | Faktor Sosial | 31 |
| | 2.3.4 | Faktor Prosedur dan Perundangan | 33 |
| 2.4 | | Kaedah Perlaksanaan Pembangunan Tanah Terbiar di Luar Negara | 36 |
| 2.5 | | Kaedah Perlaksanaan Pembangunan Tanah Terbiar di Malaysia | 38 |
| | 2.5.1 | Perundangan | 39 |
| | 2.5.1.1 | Penguatkuasaan Akta Pengambilan Tanah 1960 | 39 |
| | 2.5.1.2 | Penguatkuasaan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 | 39 |
| | 2.5.1.3 | Sekatan Masa di bawah Seksyen 115 KTN 1965 | 40 |
| | 2.5.2 | Polisi Kerajaan | 41 |
| | 2.5.2.1 | Program Pembangunan Tanah Terbiar (PPTT) | 41 |
| | 2.5.2.2 | Bank Tanah | 42 |
| | 2.5.2.3 | Dasar Agromakanan Negara (DAN) | 43 |

| | | |
|---------|--|----|
| 2.5.2.4 | Program Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA) | 44 |
| 2.5.2.5 | Garis Panduan Pembangunan Kawasan <i>Brownfield</i> (GP023 – Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>) | 45 |
| 2.6 | Pihak-pihak Terlibat dalam Pembangunan Tanah Terbiar | 46 |
| 2.6.1 | Jabatan Pertanian | 47 |
| 2.6.2 | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan atau <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i> (FELCRA) | 48 |
| 2.6.3 | Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) | 50 |
| 2.6.4 | Pihak Lain Terlibat | 52 |
| 2.7 | Cabaran Pembangunan Tanah Terbiar | 54 |
| 2.7.1 | Kerjasama Pemilik Tanah dengan Pengusaha atau Pemaju | 54 |
| 2.7.2 | Keupayaan Agensi | 56 |
| 2.7.3 | Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Perundangan | 57 |
| 2.7.4 | Kos Pembangunan Tanah | 59 |
| 2.8 | Rumusan | 60 |

BAB 3 PROGRAM PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN TERBIAR DI DAERAH PERAK TENGAH 61

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 61 |
| 3.2 | Latar Belakang | 61 |
| 3.2.1 | Pentadbiran Daerah | 61 |
| 3.2.2 | Mukim | 64 |
| 3.2.2 | 65 | |
| 3.2.3 | Penduduk | 65 |
| 3.2.4 | Guna Tanah | 67 |
| 3.2.5 | Hakmilik Berdaftar | 68 |
| 3.2.6 | Jumlah Kutipan Cukai | 69 |
| 3.3 | Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 70 |
| 3.3.1 | Agensi Pelaksana | 70 |

| | | |
|--------------|---|------------|
| 3.3.1.1 | Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah | 71 |
| 3.3.1.2 | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak | 74 |
| 3.3.1.3 | FELCRA | 77 |
| 3.3.1.4 | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak | 79 |
| 3.3.1.5 | Pertubuhan Peladang Kawasan | 82 |
| 3.3.2 | Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 84 |
| 3.3.2.1 | Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar di Atas Tanah Hakmilik | 85 |
| 3.3.2.2 | Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar di Atas Tanah Kerajaan | 88 |
| 3.4 | Rumusan | 93 |
| BAB 4 | ANALISIS KAJIAN | 95 |
| 4.1 | Pendahuluan | 95 |
| 4.2 | Cabaran yang Dihadapi Dalam Membangunkan Tanah Pertanian Terbiar | 95 |
| 4.2.1 | Kos Pembangunan Tanah | 96 |
| 4.2.2 | Tenaga Kerja | 98 |
| 4.2.3 | Kerjasama daripada Pemilik Tanah/ Peserta/ Agensi | 99 |
| 4.2.4 | Kesulitan dan Kelewatan Hal Ehwal Tanah | 100 |
| 4.2.5 | Cabaran-cabaran Lain | 102 |
| 4.3 | Cadangan Penambahbaikan kepada Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 104 |
| 4.4 | Rumusan | 108 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 111 |
| 5.1 | Pendahuluan | 111 |
| 5.2 | Penemuan Kajian | 111 |
| 5.2.1 | Penemuan Objektif Pertama | 112 |
| 5.2.2 | Penemuan Objektif Kedua | 115 |

| | | |
|---------|--|------------|
| 5.3 | Cadangan Kajian | 118 |
| 5.3.1 | Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Selain Tanaman Komersial | 118 |
| 5.3.1.1 | Tanaman Buah-buahan, Sayur-Sayuran, Herba dan Rempah Ratus | 118 |
| 5.3.1.2 | Ternakan Lembu, Kambing dan Bebiri | 119 |
| 5.3.1.3 | Perusahaan Akuakultur | 119 |
| 5.3.2 | Penyediaan Garis Panduan Khusus Mengenai Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 120 |
| 5.4 | Limitasi Kajian | 120 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 121 |
| 5.6 | Penutup | 122 |
| | RUJUKAN | 123 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKASURAT |
|------------|---|-----------|
| Jadual 1.1 | Data Tanah Terbiar di Semenanjung Malaysia Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2019 (Jabatan Pertanian, 2020) | 6 |
| Jadual 1.2 | Data Tanah Terbiar di Negeri Perak Mengikut Daerah 2019 (Jabatan Pertanian, 2020) | 7 |
| Jadual 1.3 | Senarai Responden Terlibat | 15 |
| Jadual 1.4 | Justifikasi Penyediaan Soalan Temubual Pentadbiran Daerah | 16 |
| Jadual 1.5 | Justifikasi Penyediaan Soalan Temubual Agensi Pelaksana | 17 |
| Jadual 2.1 | Tempoh Sekatan Masa di bawah Syarat Tersirat (Mohamed Akmal, 2019) | 40 |
| Jadual 3.1 | Senarai Mukim dan Keluasan Daerah Perak Tengah (Kajian RTD Perak Tengah 2030) | 65 |
| Jadual 3.2 | Taburan Penduduk Mengikut Mukim di Daerah Perak Tengah (Kajian RTD Perak Tengah 2030) | 66 |
| Jadual 3.3 | Guna Tanah Daerah Perak Tengah (Kajian RTD Perak Tengah 2030) | 68 |
| Jadual 3.4 | Jumlah Kutipan Cukai Mengikut Kategori Di Daerah Perak Tengah (Pentadbiran Daerah Perak Tengah, 2020) | 70 |
| Jadual 3.5 | Jadual Pelaksanaan Pembangunan RPB Redang Lang Ling (PPK Kampong Gajah, 2018) | 91 |
| Jadual 3.6 | Perincian Pembangunan RPB Redang Lang Ling (PPK Kampong Gajah, 2018) | 92 |
| Jadual 4.1 | Kenyataan Maklum Balas R3 Mengenai Cabaran Pembangunan Tanah Terbiar Dari Segi Kos Pembangunan Tanah | 97 |
| Jadual 4.2 | Kenyataan Maklum Balas R5 Mengenai Cabaran Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Dari Segi Tenaga Kerja | 98 |
| Jadual 4.3 | Kenyataan Maklum Balas R5 dan R7 Mengenai Cabaran Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Dari Segi Kerjasama Daripada Pemilik Tanah/ Peserta/ Agensi | 99 |

| | | |
|------------|---|-----|
| Jadual 4.4 | Kenyataan Maklum Balas R1, R2, R3, R4, R5 dan R6 Mengenai Cabaran Pembangunan Dari Segi Kesulitan dan Kelewatan Hal Ehwal Tanah | 101 |
| Jadual 4.5 | Kenyataan Maklum Balas Responden Mengenai Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Sedia Ada Oleh Agensi | 105 |
| Jadual 4.6 | Cadangan Penambahbaikan Kepada Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Oleh Responden | 106 |
| Jadual 4.7 | Kenyataan Maklum Balas Responden Mengenai Cadangan Penambahbaikan Kepada Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 107 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKASURAT |
|------------------|--|------------------|
| Rajah 1.1 | Carta Alir Metodologi Kajian | 19 |
| Rajah 3.1 | Peta Daerah Perak Tengah (Kajian RTD Perak Tengah, 2030) | 62 |
| Rajah 3.2 | Carta Organisasi Pentadbiran Daerah Perak Tengah (Pentadbiran Daerah Perak Tengah, 2020) | 63 |
| Rajah 3.3 | Komposisi Kaum dan Jantina Daerah Perak Tengah 2015 (Data Asas Negeri Perak, 2016) | 67 |
| Rajah 3.4 | Statistik Bilangan Hakmilik Mengikut Kategori Tanah Bagi Pentadbiran Daerah Perak Tengah (Pentadbiran Daerah Perak Tengah, 2020) | 69 |
| Rajah 3.5 | Carta Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah (Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah, 2021) | 72 |
| Rajah 3.6 | Carta Organisasi PPPNP (PPNP, 2021). | 75 |
| Rajah 3.7 | Ladang PPPNP di Daerah Perak Tengah (PPNP, 2020) | 76 |
| Rajah 3.8 | Maklumat kakitangan FELCRA Bendang Besar (FELCRA Bendang Besar, 2021) | 77 |
| Rajah 3.9 | Pelan RPB Pasir Jenderis, Daerah Perak Tengah (Pentadbiran Daerah Perak Tengah, 2021) | 78 |
| Rajah 3.10 | Struktur Organisasi PKEINPk (PKEINPk, 2021) | 80 |
| Rajah 3.11 | RPB Pulau Tiga, RPB Pasir Salak dan RPB Bekas Perajurit, Daerah Perak Tengah (PKEINPk, 2021) | 81 |
| Rajah 3.12 | Struktur Pergerakan Pertubuhan Peladang (LPP, 2020) | 82 |
| Rajah 3.13 | RPB Redang Lang Ling, Daerah Perak Tengah (Pentadbiran Daerah Perak Tengah, 2021) | 84 |
| Rajah 3.14 | Iklan Projek Tanah Terbiar (Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah, 2020) | 86 |
| Rajah 3.15 | Lawatan Tapak di Kampung Merua, Parit, Daerah Perak Tengah (Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah, 2020) | 87 |
| Rajah 3.16 | Gambar pembangunan RPB Redang Lang Ling (PPK Kampung Gajah, 2018) | 93 |

| | | |
|-----------|---|-----|
| Rajah 4.1 | Cabaran Lain Dalam Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 104 |
| Rajah 5.1 | Cabaran-cabaran Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 113 |
| Rajah 5.2 | Cadangan Penambahbaikan kepada Kaedah Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar | 116 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|--|
| KTN | - | Kanun Tanah Negara |
| RTD | - | Rancangan Tempatan Daerah |
| MOA | - | <i>Ministry of Agriculture and Agro-based Industry</i> |
| MAFI | - | <i>Ministry of Agriculture and Food Industry</i> |
| DAN | - | Dasar Agromakanan Negara |
| DPN | - | Dasar Pertanian Negara |
| FAMA | - | <i>Federal Agricultural Marketing Authority</i> |
| PPTT | - | Pasukan Petugas Tanah-tanah Terbiar |
| PPTT | - | Program Pembangunan Tanah Terbiar |
| APT | - | Akta Pengambilan Tanah |
| RPB | - | Rancangan Pertanian Berkelompok |
| PPNP | - | Pejabat Pembangunan Pertanian Negeri Perak |
| PKEINPk | - | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak |
| FELCRA | - | <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i> |
| PPK | - | Pertubuhan Peladang Kawasan |
| ACDA | - | <i>Abandoned Land Development Project</i> |
| LPP | - | Lembaga Pertubuhan Peladang |
| LMS | - | Lesen Menduduki Sementara |
| ALA | - | <i>Agricultural Land Abandonment</i> |
| RAPID | - | <i>Refinery and Petrochemical Intergrated Development</i> |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| KM | - | Kebenaran Merancang |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| GLC | - | <i>Government Linked-Company</i> |
| ADUN | - | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| KDNK | - | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| JKKK | - | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| GIS | - | <i>Geographical Information System</i> |
| PP | - | Pertubuhan Peladang |
| NAFAS | - | <i>National Farmers Organization</i> |

| | | |
|-------|---|--|
| IAT | - | Industri Asas Tani |
| FELDA | - | <i>Federal Land Development Authority</i> |
| UPEN | - | Unit Perancang Negeri |
| MADA | - | <i>Muda Agricultural Development Authority</i> |
| IADA | - | <i>Irrigated Agricultural Development Area</i> |
| KADA | - | <i>Kemubu Agricultural Development Authority</i> |
| PTG | - | Pejabat Tanah dan Galian |
| JPS | - | Jabatan Pengairan dan Saliran |
| DUN | - | Dewan Undangan Negeri |
| MAIPk | - | Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak |
| MDPT | - | Majlis Daerah Perak Tengah |
| YDP | - | Yang Dipertua |
| JPKK | - | Jawatankuasa Pembangunan dan Kemajuan Kampung |
| KPN | - | Kumpulan PeladangNita |
| KMP | - | Kumpulan PeladangMuda |
| AJP | - | Ahli Jawatankuasa Peladang |
| PTD | - | Pentadbir Tanah Daerah |
| MMK | - | Majlis Mesyuarat Kerajaan |
| JKPTD | - | Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah |
| PKP | - | Perintah Kawalan Pergerakan |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------------|---|------------------|
| Lampiran A | Soalan Temu Bual Responden | 130 |
| Lampiran B | Borang Permohonan Program Tanah Terbiar | 137 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), 1965, definisi “tanah” termasuklah:

- (a) permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan bumi tersebut;
- (b) di bawah permukaan bumi dan segala benda di dalamnya;
- (c) segala tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;
- (d) segala benda yang bercantum kepada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi; dan
- (e) tanah yang diliputi air.

Tanah merupakan antara komponen yang sangat penting dalam kehidupan manusia sejak dari zaman dahulu kerana tanah menjadi tapak bagi tempat tinggal manusia dan masyarakat. Tanah juga dijadikan tapak bagi penghasilan makanan melalui tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, serta ternakan haiwan. Melalui aktiviti-aktiviti ini, akhirnya mewujudkan urusan perniagaan dan perdagangan sesama manusia. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa tanah merupakan salah satu faktor ekonomi yang penting dalam masyarakat di Malaysia sejak dahulu sehingga kini.

Mengikut Kajian Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Perak Tengah 2030, jenis guna tanah dibahagikan kepada dua kategori iaitu tepu bina dan bukan tepu bina. Jenis guna tanah tepu bina adalah perumahan, komersial, industri, institusi dan masyarakat, tanah lapang dan rekreasi, infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan. Pelbagai pembangunan yang telah dirancang dan dibangunkan di kawasan jenis guna tanah tepu bina bagi menampung populasi penduduk rakyat Malaysia yang meningkat saban tahun. Mengikut Jabatan Perangkaan Negara, penduduk di Malaysia pada tahun 2019 adalah berjumlah 32.5 juta orang, iaitu peningkatan sebanyak 0.4 peratus atau 32.4 juta orang pada tahun 2018. Pada tahun 2020, dianggarkan populasi penduduk akan semakin bertambah. Berikutan peningkatan populasi ini, nilai tanah menjadi sangat tinggi kerana ianya terhad dan sumber yang sangat bernilai untuk manusia (Wan Ibrisam Fikry, 2019).

Walaupun bagaimanapun, dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, sektor pertanian pula mengalami kesukaran dalam mengekalkan kapasiti pengeluaran kerana kebanyakan tanah pertanian telah ditukar syarat bagi tujuan pembangunan sama ada bagi tujuan perumahan atau industri. Menyedari hal ini, pelbagai dasar, polisi dan pelan yang telah dilaksanakan di peringkat Negeri dan Nasional, antaranya Dasar Perbandaran Negara (2006), Pelan Fizikal Negara (2005), Rancangan Struktur Negeri Kedah (2002-2020) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (2007), di mana gabungan matlamat setiap dasar ini secara umumnya adalah bagi membangunkan sektor pertanian khususnya di kawasan pertanian dengan melaksanakan proses pengurusan dan pembangunan tanah secara efektif dan menggiatkan aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar supaya tidak terjejas dengan proses urbanisasi yang berlaku dengan pesat (Wan Ibrisam Fikry, 2019).

Dalam kesedaran pihak kerajaan tentang betapa pentingnya produktiviti pertanian dan mengurangkan bilion Dolar hasil pertanian yang diimport, isu tanah pertanian terbiar dan kekurangan pengeluaran pertanian juga telah dikaji semula (Azima dan Ismail, 2011). Mantan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah menyatakan data daripada Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA), kini dikenali dengan Kementerian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai tanah pertanian milik petani yang terbiar dan sesuai dimajukan di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga tahun 2002 adalah seluas 12,180 hektar,

dalam salah satu ucapan beliau (Norsuhadah, 2011). Menurut Azima (2007), keluasan ini merupakan 35 peratus daripada keseluruhan 34,360 hektar tanah pertanian terbiar di seluruh negara yang melibatkan tanah-tanah sawah dan juga tanah darat. Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh agensi kerajaan terutamanya MOA bagi memajukan tanah pertanian terbiar, namun kadar peningkatan saiz tanah terbiar bagi sektor pertanian dikatakan masih tinggi.

Kepentingan bagi menangani isu tanah terbiar ini mula mendapat perhatian serius pihak kerajaan apabila berlakunya krisis harga bekalan bahan makanan pada tahun 2008, di mana kenaikan harga barangan dari negara pengimport pada masa itu, membebankan kewangan negara (MOA, 2019). Sehubungan itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 yang menggariskan tujuh hala tuju strategik dengan tujuh industri khusus, yang memberi penekanan utama terhadap industri padi dan beras (MOA, 2019). Sebelum itu, pihak kerajaan telah menambahbaik Dasar Pertanian Negara (DPN) yang telah dilancarkan pada 1 Februari 1993 iaitu DPN 1992-2010 yang memberi fokus kepada pembangunan seimbang di antara sektor pertanian, sektor pembuatan dan lain-lain sektor serta mengoptimumkan aktiviti industri berasaskan makanan. Oleh itu, lot-lot tanah yang berpotensi untuk dibangunkan khususnya tanah-tanah terbiar telah dikenalpasti dan mula diambil perhatian serta tindakan oleh kerajaan melalui MOA, di samping memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar serta kaedah pengurusan tanah terbiar (Zarina, 2016).

Namun begitu, pada tahun 2015, isu tanah pertanian terbiar yang tidak diusahakan ini sekali lagi menjadi bualan ramai apabila menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), import makanan negara termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan dilaporkan mencecah puluhan bilion Ringgit setahun di mana kebergantungan negara kepada sumber makanan import terutamanya dari China, Thailand, Australia, India dan Afrika yang membebankan negara dan rakyat dengan harga yang tinggi (Kumiawati, 2016). Sekiranya isu tanah terbiar ini dapat diselesaikan dengan efektif oleh pihak kerajaan, sudah semestinya penghasilan dari sektor pertanian di Malaysia akan semakin meningkat kerana penggunaan optimum tanah terbiar, tetapi ianya masih belum berlaku.

1.2 Penyataan Masalah

Isu tanah pertanian terbiar ini bukanlah isu yang baru di Malaysia kerana sebelum krisis bekalan harga bekalan makanan pada tahun 2008, iaitu pada tahun 1980, Menteri Pertanian pada ketika itu telah mengarahkan penubuhan Pasukan Petugas Tanah-tanah Terbiar (PPTT) yang bertujuan mengenalpasti kawasan tanah pertanian terbiar di seluruh negara dan seterusnya merangka pelan tindakan bagi membangunkan semula tanah-tanah terbiar ini (Farhana, 2005). Menurut Kumiawati (2019), tanah pertanian terbiar ini penting bagi membantu meningkatkan penghasilan pertanian kerana keluasan tanah merupakan salah satu faktor yang menjadi prasyarat untuk memajukan kegiatan pertanian secara komersial, bersepadu dan ekonomi berskala besar. Selain daripada penambahbaikan DPN kepada DPN 1992-2010, pelbagai usaha lain yang telah dilaksanakan bagi menunjukkan betapa seriusnya pihak kerajaan dalam membangunkan tanah pertanian terbiar ini. Perkara ini jelas diutarakan di dalam Rancangan Malaysia ke-7 (1996-2000) dan Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005). Rancangan Malaysia ke-7 memberikan penekanan kepada pengendalian tanah terbiar melalui *landlord-in-trust*, manakala Rancangan Malaysia ke-8 pula memberikan penekanan kepada penggembelangan pelbagai agensi di bawah MOA melalui MOA *Incorporated* (MOA Inc). Namun, kedua-dua cara didapati gagal untuk menangani masalah tanah pertanian terbiar (Azima, 2007).

Terdapat pelbagai kajian mengenai tanah terbiar ini terutamanya tanah pertanian terbiar dan pelbagai aspek telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas mengenai tanah pertanian terbiar ini, antaranya adalah punca-punca tanah pertanian terbiar dan kaedah penyelesaian tanah terbiar. Menurut Farhana (2005), punca tanah terbiar melibatkan pelbagai faktor lain yang saling berhubungan dan berkait rapat antara satu sama lain. Antaranya adalah faktor fizikal tanah itu sendiri yang menyukarkan usaha untuk dibangunkan ataupun meningkatkan kos pembersihan seperti keadaan tanah gambut yang terdedah kepada kebakaran di musim panas dan memerlukan saluran atau parit yang baik dan sempurna. Selain itu, proses permohonan tanah yang rumit menyebabkan berlakunya tanah terbiar kerana pemohon terpaksa memenuhi syarat yang banyak dan pihak yang terlibat juga banyak. Keadaan ini menyebabkan tanah menjadi terbiar untuk satu tempoh yang lama sehingga proses permohonan tanah selesai (Tan, 2001). Bagi kajian mengenai kaedah penyelesaian

tanah terbiar pula, menurut Norsuhadah (2011), penyelesaian tanah pertanian terbiar dapat dibahagikan kepada dua aspek yang utama iaitu melalui penyelesaian dari aspek perundangan dan aspek perancangan bandar. Penyelesaian dari aspek perundangan adalah seperti pengambilan balik tanah melalui Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, dan keperluan pelan-pelan pembangunan yang telah ditetapkan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Manakala dari sudut polisi kerajaan seperti Program Pembangunan Tanah Terbiar (PPTT) , Bank Tanah dan usahasama dengan pihak pemaju swasta untuk tujuan bagi pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan pinggir bandar.

Data mengenai tanah terbiar ini tidak bersifat statik tetapi dinamik dan sentiasa berubah-ubah mengikut kadar pertumbuhan kawasan tanah terbiar baru yang memenuhi definisi tanah terbiar, serta pengurangan kawasan tanah terbiar dengan pelaksanaan projek pembangunan. Oleh itu, penentuan lot tanah terbiar yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian adalah mengikut kaedah spatial berasaskan padanan data guna tanah dengan peta kadaster. Maklumat yang diperolehi seterusnya dibuat verifikasi di peringkat lapangan bagi menentusahkan lot tanah terbiar (Jabatan Pertanian, 2020).

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan Data Tanah Terbiar di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian. Jumlah lot tanah terbiar di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan adalah 46,382 lot dengan jumlah keluasan 103,563 hektar. Negeri Perak merupakan negeri keempat yang mempunyai keluasan tanah terbiar terbesar dengan jumlah keluasan 11,013 hektar iaitu 10.63 peratus daripada keseluruhan keluasan dan 4,004 lot tanah terbiar. Negeri Pahang merupakan negeri yang mempunyai keluasan tanah terbiar tertinggi dengan keluasan 29,391 hektar iaitu 28.38 peratus dan 11,292 lot tanah terbiar. Negeri Selangor dan Negeri Sembilan pula di tempat kedua dan ketiga dengan masing-masing mempunyai keluasan 20,058 hektar iaitu 19.37 peratus dan 4,485 lot tanah terbiar, serta 11,324 hektar iaitu 10.93 peratus daripada keseluruhan keluasan dan 5,885 lot tanah terbiar.

Jadual 1.1 Data Tanah Terbiar di Semenanjung Malaysia Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2019 (Jabatan Pertanian, 2020)

| BIL | NEGERI | BIL. LOT | LUAS (HEKTAR) |
|---------------|-----------------|-----------------|----------------------|
| 1. | PAHANG | 11,292 | 29,391 |
| 2. | SELANGOR | 4,485 | 20,058 |
| 3. | NEGERI SEMBILAN | 5,885 | 11,324 |
| 4. | PERAK | 4,004 | 11,013 |
| 5. | JOHOR | 4,561 | 10,098 |
| 6. | TERENGGANU | 7,027 | 7,862 |
| 7. | KELANTAN | 3,690 | 4,815 |
| 8. | KEDAH | 1,774 | 2,655 |
| 9. | PULAU PINANG | 877 | 2,622 |
| 10. | MELAKA | 1,915 | 2,332 |
| 11. | WP LABUAN | 858 | 1,381 |
| 12. | PERLIS | 14 | 12 |
| JUMLAH | | 46,382 | 103,563 |

Jelas menunjukkan pada Jadual 1.1 bahawa setakat ini tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak dapat mengatasi isu tanah terbiar secara menyeluruh kerana jumlah keluasan tanah terbiar adalah tinggi terutamanya di empat negeri iaitu Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak. Jika dibandingkan dengan negara-negara luar, isu tanah terbiar ini mendapat perhatian oleh pemimpin dan kerajaan mereka seperti di negara Indonesia, di mana tanah terbiar akan dikenakan cukai progresif sebagai alternatif bagi mengatasi tanah terbiar, manakala Korea Selatan juga mengenakan cukai progresif ke atas tanah terbiar tetapi dengan mengambil kira tempoh pemilikan tanah tersebut (Apriani dan Inayati, 2020).

Berdasarkan Jadual 1.2 di bawah, iaitu Data Tanah Terbiar di Negeri Perak Mengikut Daerah 2019 pula menunjukkan bahawa setiap daerah di Negeri Perak mempunyai tanah terbiar dan yang membezakan hanya jumlah lot dan keluasan. Berdasarkan Jadual 1.2, Daerah Kinta mempunyai bilangan lot tanah terbiar yang paling banyak iaitu 1,049 dengan keluasan 4,471.42 hektar iaitu 40.60 peratus daripada

keseluruhan keluasan tanah terbiar di Negeri Perak. Bagi Daerah Perak Tengah pula, terdapat sebanyak 192 lot tanah terbiar dengan keluasan 197.86 hektar iaitu 1.79 peratus daripada keseluruhan keluasan tanah terbiar di Negeri Perak.

Jadual 1.2 Data Tanah Terbiar di Negeri Perak Mengikut Daerah 2019 (Jabatan Pertanian, 2020)

| BIL | NEGERI | DAERAH | JUMLAH | |
|---------------------|--------|----------------|--------------|------------------|
| | | | BIL. LOT | LUAS (HEKTAR) |
| 1. | PERAK | KINTA | 1,049 | 4,471.42 |
| 2. | | HULU PERAK | 394 | 2,197.22 |
| 3. | | BATANG PADANG | 832 | 1,632.32 |
| 4. | | KERIAN | 272 | 701.30 |
| 5. | | LARUT & MATANG | 457 | 546.34 |
| 6. | | KUALA KANGSAR | 370 | 529.03 |
| 7. | | MANJUNG | 149 | 389.86 |
| 8. | | PERAK TENGAH | 192 | 197.86 |
| 9. | | SELAMA | 167 | 188.91 |
| 10. | | HILIR PERAK | 122 | 158.99 |
| JUMLAH PERAK | | | 4,004 | 11,013.25 |

Daerah Perak Tengah seharusnya dapat menggunakan tanah secara optimum dalam sektor pertanian dan tiada lagi terbiar seperti di Jadual 1.2. Ini adalah berdasarkan Kajian RTD Perak Tengah 2030 iaitu sebahagian besar kawasan bukan tepu bina di daerah ini adalah kawasan pertanian dengan keluasan 100,214.16 hektar, iaitu 78.35 peratus daripada 127,946 hektar keseluruhan keluasan daerah. Sektor pertanian merupakan penyumbang utama ekonomi bagi Daerah Perak Tengah dengan pelbagai jenis tanaman iaitu kelapa sawit, getah, padi, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Selain Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah, pentadbiran daerah juga telah menjadikan tanah-tanah terbiar kepada Rancangan Pertanian Berkelompok (RPB) yang dimajukan oleh agensi pelaksana sebagai kaedah utama dalam menyelesaikan isu

tanah pertanian terbiar di daerah ini. Sehingga kini, terdapat 14 RPB yang dimajukan oleh agensi-agensinya pelaksana sebagai pemaju, yang terdiri daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNNP), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPk), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan *atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Kajian-kajian lepas banyak mengkaji mengenai punca dan cara mengatasi tanah terbiar tetapi tidak banyak kajian yang dijalankan terhadap agensi pelaksana pembangunan tanah terbiar ini. Justeru, terdapat persoalan-persoalan yang timbul iaitu sejauh mana keberkesanan pembangunan tanah pertanian terbiar yang dijalankan oleh agensi pelaksana? Adakah terdapat halangan dalam membangunkan tanah-tanah pertanian terbiar ini oleh agensi pelaksana di Daerah Perak Tengah dan apakah cadangan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh di kawasan kajian iaitu di Daerah Perak Tengah.

Maka, kajian ini memberi tumpuan terhadap agensi-agensinya pelaksana bagi pembangunan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah iaitu Pejabat Pertanian Daerah, PPPNNP, PKEINPk, FELCRA dan PPK, serta Pentadbiran Daerah Perak Tengah. Kajian akan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensinya berkenaan, melalui temu bual bersama pegawai-pegawai daripada agensi terlibat dan pada akhir kajian, cadangan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar juga dimasukkan agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Kajian ini akan memberi jawapan kepada persoalan-persoalan di atas dan mencapai matlamat kajian, iaitu untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian.

1.4 Objektif Kajian

Merujuk kepada permasalahan yang diterangkan, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian.
- (b) Mencadangkan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh di kawasan kajian.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini terlebih dahulu memberi fokus kepada cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah. Menurut Norsuhadah (2011), antara faktor yang menyebabkan tanah terbiar adalah aspek fizikal, aspek ekonomi, aspek sosial dan faktor-faktor lain iaitu proses permohonan tanah yang rumit, perundangan dan sistem cukai.

Seterusnya, kajian akan mencadangkan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilakukan secara menyeluruh. Di Malaysia, kajian oleh Norsuhadah (2011) menerangkan mengenai penyelesaian masalah tanah pertanian terbiar adalah bekerjasama dengan pemaju bagi pembangunan skim perumahan atau perniagaan, menjalankan aktiviti penanaman secara kecil-kecilan, serta peranan pihak-

pihak terlibat dalam mengambil inisiatif bagi memajukan tanah-tanah terbiar seperti FAMA yang dapat membimbing dan menarik minat pemilik tanah untuk memasarkan hasil tanaman mereka secara komersil dan PPTT. Manakala di luar negara, isu tanah milik terbiar ditangani dengan pengenaan denda dalam bentuk percukaian yang dinamakan cukai tanah terbiar di Kenya dan kadar tambahan bagi cukai tanah bermilik terbiar (Mohamed Akmal, 2019).

Kajian oleh para pengkaji lepas, sama ada dalam atau luar negara lebih banyak terarah kepada punca dan kaedah penyelesaian tanah terbiar, maka kajian ini akan mengkaji cadangan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh di kawasan kajian. Kajian ini akan melibatkan temu bual dengan pegawai-pegawai dari agensi-agensinya pelaksana iaitu Pejabat Pertanian Daerah, PPPNP, PKEINPk, FELCRA dan PPK, serta Pentadbiran Daerah Perak Tengah. Kawasan kajian bertumpu di Daerah Perak Tengah kerana terdapat program pembangunan tanah pertanian terbiar oleh agensi pelaksana.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat menjelaskan tentang cabaran pembangunan tanah pertanian terbiar oleh agensi pelaksana di bawah pentadbiran Daerah Perak Tengah dan cadangan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh di kawasan kajian. Selain itu, kajian ini akan memberi manfaat dan sumbangan kepada semua pihak secara langsung.

1.6.1 Kerajaan Negeri Perak

Kerajaan Negeri Perak perlu mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat negeri bersama agensi pelaksana bagi mengenalpasti cabaran pembangunan tanah pertanian terbiar dan merangka dasar serta polisi terkini bagi menambahbaik kepada

kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar, agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh kawasan kajian, juga di semua daerah di Negeri Perak. Cadangan penambahbaikan yang lebih efektif adalah perlu bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dan memberi kebaikan kepada semua pihak terutamanya kepada rakyat.

1.6.2 Pentadbiran Daerah dan Agensi Pelaksana

Kajian ini dapat membantu pentadbiran daerah dan agensi pelaksana dalam mengenalpasti tanah-tanah terbiar di kawasan masing-masing dan berusaha menangani cabaran pembangunan tanah pertanian terbiar melalui pelaksanaan dasar dan polisi yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Ini bagi memastikan semua tanah diusahakan secara optimum melalui program pembangunan tanah pertanian terbiar yang menyeluruh. Prosedur-prosedur yang berkaitan juga perlu sentiasa dikemaskini mengikut dasar dan polisi terkini supaya pelaksanaan pembangunan tanah terbiar dapat dijalankan dengan lancar dan keberkesannya dapat dirasai oleh masyarakat.

1.6.3 Pemilik Tanah, Peserta dan Masyarakat

Kajian ini dapat memberi pengetahuan dan maklumat yang jelas mengenai tanah terbiar kepada masyarakat, terutamanya dari segi pembangunan tanah pertanian terbiar oleh agensi-agensi yang terlibat. Dengan ini, masyarakat terutamanya pemilik tanah dan peserta dapat menimba ilmu serta kesedaran malah dapat bekerjasama baik dengan semua pihak dalam menyelesaikan isu tanah pertanian terbiar ini.

1.7 Metodologi Kajian

1.7.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, di mana sepanjang proses kajian, penganalisan data dilakukan. Bagi data sekunder, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual separa struktur pula digunakan bagi data primer.

Sepertimana yang telah diterangkan di dalam bab pertama, terdapat dua objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu (1) mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar; dan (2) mencadangkan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Oleh itu, pendekatan kajian secara kualitatif dilihat sebagai pendekatan yang paling sesuai digunakan kerana kajian ini bukan bersifat eksperimental tetapi memberi fokus kepada kumpulan responden daripada agensi tertentu dan melibatkan jumlah responden yang kecil. Instrumen utama yang akan digunakan bagi mendapatkan data kajian adalah melalui kaedah temu bual separa struktur serta pencarian maklumat melalui pelbagai dokumentasi dan bahan rujukan.

1.7.2 Peringkat-peringkat Utama Kajian

Bagi mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan, kajian ini mempunyai beberapa peringkat seperti berikut:

- (a) Peringkat Pertama : Kajian Awal
- (b) Peringkat Kedua : Kajian Literatur
- (c) Peringkat Ketiga : Pengumpulan Data

- (d) Peringkat Keempat : Analisis Data
- (e) Peringkat Kelima : Kesimpulan dan Cadangan

1.7.2.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan

Kajian ini dimulai dengan fasa penyelidikan awal bagi memahami pelbagai aspek isu tanah terbiar di negara ini pada awalnya, melalui pembacaan data sekunder yang terdiri daripada pelbagai dokumentasi dan bahan rujukan secara menyeluruh. Rujukan di peringkat kajian awalan juga melibatkan rujukan kepada penulisan akademik, jurnal, pekeliling, garis panduan, media cetak dan media elektronik yang berkaitan dengan isu tanah terbiar terutamanya tanah pertanian terbiar dan sektor pertanian di Malaysia. Ia dilaksanakan dengan menganalisis pelbagai data sekunder seperti penulisan akademik, jurnal, pekeliling dan garis panduan yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Dapatan daripada kajian awalan ini telah menjadi asas dalam memuktamadkan penyataan masalah, seterusnya menetapkan matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

1.7.2.2 Peringkat Kedua: Kajian Literatur

Pada peringkat ini, kajian yang dilaksanakan adalah merangkumi definisi tanah terbiar dan klasifikasi tanah terbiar yang terdapat dalam sistem pentadbiran tanah di Malaysia melalui kajian-kajian lepas. Kajian-kajian terdahulu mengenai tanah terbiar, cabaran pembangunan tanah terbiar, kaedah pelaksanaan pembangunan tanah terbiar oleh agensi-agensi berkaitan disoroti, di samping kajian-kajian oleh para pengkaji di luar negara mengenai tanah terbiar bagi memastikan kajian ini dijalankan dengan lebih tepat berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian tersebut. Sorotan kajian literatur melibatkan data sekunder iaitu buku, tesis terdahulu, jurnal, bahan cetakan dan media cetak serta elektronik.

1.7.2.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah kaedah yang dijalankan bagi mendapatkan data primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui kaedah temu bual. Kaedah temu bual separa struktur ini dilaksanakan terhadap responden yang telah dikenalpasti, di mana responden memberikan maklum balas berkaitan soalan-soalan yang diberi. Data primer yang diperolehi ini merupakan pandangan pihak-pihak berkaitan permasalahan kajian yang terdiri daripada agensi-agensi pelaksana pembangunan tanah pertanian terbiar. Manakala, data sekunder pula diperolehi daripada kajian lepas, pekeliling, surat arahan, rekod-rekod jabatan, keputusan-keputusan mesyuarat, buku dan lain-lain penerbitan melalui sumber media cetak dan elektronik.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih Daerah Perak Tengah, Negeri Perak sebagai kawasan kajian. Berdasarkan Jadual 1.2 oleh Jabatan Pertanian (2020), keluasan tanah terbiar di Daerah Perak Tengah adalah 197.86 hektar dengan 192 bilangan lot dan Negeri Perak merupakan negeri keempat yang mempunyai keluasan tanah terbiar terbesar dengan keluasan 11,013 hektar. Terdapat beberapa buah agensi pelaksana yang terlibat dalam pembangunan tanah pertanian terbiar di daerah ini, namun untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian, cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar dan penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar ini perlu dikenalpasti agar program pembangunan tanah pertanian terbiar ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh ke atas 1,373 hektar lagi tanah terbiar di daerah ini.

Justeru, seramai tujuh orang responden terlibat yang terdiri daripada agensi pelaksana pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian, iaitu Pejabat Pertanian Daerah, PPPNP, PKEINPk, FELCRA dan PPK, serta Pentadbiran Daerah Perak Tengah. Kesemua responden ini dipilih kerana terlibat dalam pembangunan tanah pertanian terbiar di dalam kawasan kajian. Senarai responden terlibat adalah seperti di Jadual 1.3:

Jadual 1.3 Senarai Responden Terlibat

| Bil. | Responden | Jawatan | Agensi / Jabatan |
|------|-----------|---|---|
| 1. | R1 | Pegawai Daerah/ Pentadbir Tanah | Pentadbiran Daerah Perak Tengah |
| 2. | R2 | Ketua Penolong Pegawai Daerah | Pentadbiran Daerah Perak Tengah (Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah) |
| 3. | R3 | Pegawai Pertanian Daerah | Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah |
| 4. | R4 | Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Tanah dan Hartanah | PPNP |
| 6. | R5 | Pengurus Unit Harta dan Wakaf | PKEINPk |
| 7. | R6 | Pengurus Kawasan | FELCRA Bendang Besar |
| 8. | R7 | Pengurus Ladang | PPK Kampong Gajah |

Soalan-soalan temu bual separa struktur yang dirangka adalah berdasarkan dua set soalan iaitu kepada Pentadbiran Daerah Perak Tengah dan agensi pelaksana pembangunan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah. Terdapat tiga bahagian bagi setiap set soalan iaitu Bahagian A: Maklumat Responden, Bahagian B: Cabaran yang Dihadapi dalam Membangunkan Tanah Pertanian Terbiar dan Bahagian C: Cadangan Penambahbaikan kepada Kaedah Perlaksanaan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar. Bagi set soalan temu bual kepada Pentadbiran Daerah Perak Tengah, Bahagian A terdiri daripada enam soalan, Bahagian B, lima soalan dan Bahagian C, tiga soalan. Manakala, set soalan temu bual kepada agensi pelaksana pula terdiri daripada enam soalan di Bahagian A, tujuh soalan di Bahagian B dan tiga soalan di Bahagian C. Soalan-soalan untuk agensi pelaksana adalah lebih banyak berbanding Pentadbiran Perak Tengah kerana mereka terlibat sepenuhnya dalam membangunkan tanah pertanian terbiar di daerah ini. Justifikasi dan perincian soalan-soalan adalah seperti di Jadual 1.4 dan 1.5 di bawah, manakala soalan temu bual adalah seperti di Lampiran A.

Jadual 1.4 Justifikasi Penyediaan Soalan Temubual Pentadbiran Daerah

| Kategori Responden | Bahagian Utama | Kandungan Soalan | Justifikasi Persoalan / Relevan |
|------------------------------|---------------------------|---|--|
| (1) Pentadbiran Daerah | Maklumat Responden | Nama Nama Agensi Jawatan Tempoh Perkhidmatan No. Telefon/ Fax Tarikh | Mendapatkan maklumat latar belakang responden |
| | Praktikal dan perundangan | Kerjasama dengan agensi pelaksana. Masalah berkaitan tanah. Cabaran-cabaran lain yang dihadapi. | Mengenalpasti cabaran yang dihadapi. |
| | Pandangan | Kaedah perlaksanaan oleh agensi. Cadangan penambahbaikan. | Mendapatkan pandangan berkaitan cadangan penambahbaikan. |

Jadual 1.5 Justifikasi Penyediaan Soalan Temubual Agensi Pelaksana

| Kategori Responden | Bahagian Utama | Kandungan Soalan | Justifikasi Persoalan/ Relevan |
|-------------------------|---------------------------|--|--|
| (2) Agensi Pelaksana | Maklumat Responden | Nama Jawatan Tempoh Perkhidmatan No. Telefon/ Fax Tarikh | Mendapatkan maklumat latar belakang responden |
| | Praktikal dan Perundangan | Kerjasama dengan pemilik tanah / peserta. Kos pembangunan, sumber kewangan dan tenaga kerja di agensi. Masalah berkaitan tanah. Cabaran-cabaran lain yang dihadapi. | Mendapatkan maklumat berkaitan cabaran yang dihadapi. |
| | Pandangan | Kaedah pelaksanaan oleh agensi. Cadangan penambahbaikan | Mendapatkan pandangan berkaitan cadangan penambahbaikan. |

Bagi data sekunder pula diperolehi daripada kajian-kajian lepas oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, ia juga diperolehi daripada jurnal, pekeliling, surat arahan, buku, dan lain-lain bahan penerbitan, sama ada bercetak atau elektronik.


1.7.2.4 Peringkat Keempat: Analisis Data

Data-data yang diperolehi perlu dianalisis agar ia dapat ditafsirkan dan memberi makna yang jelas. Setelah kaedah temu bual separa struktur dijalankan, di peringkat analisis ini pula, semua maklumat dan data yang diperolehi seterusnya dipersembahkan dalam bentuk teks dan grafik. Data-data kajian yang dikutip adalah berdasarkan dua objektif kajian yang telah ditetapkan seperti di bab pertama dan data-data tersebut terdiri daripada data primer dan sekunder yang menerangkan pelaksanaan kajian supaya objektif kajian difahami dan tercapai.

Data primer yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, di mana semua data hasil temubual yang diperolehi dikembangkan kepada satu tema berdasarkan sub-tema, digabungkan dan dibandingkan agar maklum balas daripada responden difahami dengan jelas. Seterusnya, ia dipersembahkan semula dan diperjelaskan lagi sama ada dalam bentuk jadual dan grafik. Analisis kuasi juga digunakan bagi menyemak data dan mengira frekuensi sesuatu konsep yang ingin dikenalpasti dalam data kajian. Kaedah analisis ini seterusnya mengkuantitatifkan data kualitatif dan laporan dalam bentuk majoriti, peratusan dan jumlah.

1.7.2.5 Peringkat Kelima: Kesimpulan dan Cadangan

Peringkat akhir kajian merupakan kesimpulan dan cadangan berdasarkan hasil dapatan analisis data-data yang diperolehi daripada kajian. Cadangan penambahbaikan yang dikenalpasti akan digunakan demi manfaat pihak-pihak berkaitan khususnya kepada Kerajaan Negeri Perak, pentadbiran daerah dan agensi pelaksana, pemilik tanah, peserta serta masyarakat secara umumnya. Pengkaji juga turut memberikan cadangan kajian, limitasi kajian dan cadangan kajian lanjutan. Secara ringkasnya, peringkat-peringkat dalam kajian ini adalah seperti Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1 Carta Alir Metodologi Kajian

1.8 Susunatur Bab

1.8.1 Bab Satu

Kajian ini terbahagi kepada lima bab. Bab yang pertama merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan, di mana pengkaji menerangkan secara umum mengenai tanah terbiar dan sektor pertanian di Malaysia. Di dalam bab ini juga dibincangkan mengenai pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan serta manfaat kajian ini khususnya kepada Kerajaan Negeri Perak, pentadbiran daerah dan agensi pelaksana, pemilik tanah, peserta serta masyarakat secara umumnya. Selain itu, metodologi kajian yang mengandungi pendekatan kajian dan peringkat-peringkat dalam kajian ini juga dijelaskan. Akhir sekali, susunatur bab bagi kelima-lima bab dalam kajian ini juga diterangkan oleh pengkaji.

1.8.2 Bab Dua

Bab kedua dalam kajian ini merupakan bab kajian literatur yang menghuraikan dengan terperinci kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji iaitu definisi tanah terbiar, faktor kewujudan tanah terbiar, kaedah pelaksanaan pembangunan tanah terbiar di dalam dan luar negara, pihak-pihak terlibat dalam pembangunan tanah terbiar, serta cabaran pembangunan tanah terbiar. Semua kajian dan maklumat dalam bab ini diperolehi daripada sumber kajian-kajian lepas, jurnal, pekeliling, surat arahan, buku dan juga pelbagai sumber maklumat lain yang diperolehi sama ada melalui rujukan bercetak atau media elektronik, yang berkaitan dengan tajuk kajian.

1.8.3 Bab Tiga

Dalam bab ketiga pula menerangkan tentang program pembangunan tanah pertanian terbiar di kawasan kajian iaitu Daerah Perak Tengah, Negeri Perak. Kajian ini melibatkan agensi-agensi pelaksana pembangunan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah iaitu Pejabat Pertanian Daerah Perak Tengah, PPPNP, PKEINPk, FELCRA Bendang Besar dan PPK Kampong Gajah. Perbincangan dimulai dengan latar belakang kawasan kajian seperti pentadbiran daerah, mukim, penduduk, guna tanah, hakmilik berdaftar dan jumlah kutipan cukai. Seterusnya pembangunan tanah pertanian terbiar di daerah ini dibincangkan iaitu latar belakang agensi pelaksana dan kaedah pelaksanaan pembangunan tanah pertanian terbiar yang dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran dan penjelasan mengenai kawasan kajian sebelum diteruskan ke peringkat selanjutnya.

1.8.4 Bab Empat

Analisis kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dibincangkan di dalam bab keempat ini. Semua hasil yang diperolehi dibentangkan melalui pelbagai bentuk jadual dan graf. Di peringkat ini, data primer iaitu hasil temu bual separa struktur terhadap responden dianalisis menggunakan analisis tematik dan kuasi.

1.8.5 Bab Lima

Bab kelima dalam kajian ini merupakan bab terakhir yang menyentuh tentang kesimpulan dan cadangan bagi keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Dalam bab ini, pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan hasil dapatan analisis di dalam bab keempat. Setiap penemuan kajian yang merangkumi pencapaian matlamat dan objektif kajian juga dijelaskan, termasuk kepentingan kajian yang telah dikenalpasti dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak terlibat.

RUJUKAN

- Abd Hamid Abdul Murad, YM Raja Raziff Raja Shahrudin, Resali Muda, Ahmad Zaki Salleh, Ahmad Wifaq Mokhtar, Md Yunus Abd Aziz, Hisham Sabri dan Nurul Hidayah Ibrahim (2017). Pembangunan Tanah Adat di Negeri Sembilan: Halatuju dan Cabaran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(khas).
- Amriah Buang (2001). Privatizing the Rehabilitation of the Idle Agriculture Land in Malaysia: Feedback from the Malay Folks. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity*, 9(2), 103-112.
- Apriani, R. N. & Inayati (2020). Alternative Policy on Progressive Tax Rate on Idle Land in the Special Capital Territory of Jakarta. *Public Administration Journal*, 10 (2), 127-137.
- Ardiwijaya, V. S., Sumardi, T. P., Suganda, E. & Temenggung, Y. A. (2015). Rejuvenating Idle Land to Sustainable Urban Form: Case Study of Bandung Metropolitan Area, Indonesia. *Procedia Environmental Sciences*, 28, 176-184.
- Asan Ali Golam Hassan dan Mahani Mohd @ Mamat (1999). *Pembangunan Tanah Rancangan, Pencapaian dan Cabaran*. Prosiding Seminar Ekonomi Pembangunan di Alaf Baru: Cabaran dan Tujuan. UUM.
- Azima Abdul Manaf & Ismail Omar (2011). Idle Agriculture Land Resources Management and Development – An Institutional Causes: A Case Study in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Research in Business*. 1(8), 21-27.
- Azima Abdul Manaf, Mohd Yusoff Hussain, Suhana Saad dan Nurul Kamariah Mokhtarroji. (2012). Aplikasi Pendekatan Institusi Ekonomi ke Atas Tanah Pertanian Terbiar di Pulau-pulau Sekitar Mersing, Johor, *Malaysia Journal of Society and Space*, 5, (14-25).
- Azima Abdul Manaf. (2007). Keupayaan Pendekatan Institusi dalam Menghuraikan Punca-punca Tanah Pertanian Terbiar di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, *Journal e-Bangi*, 2(2), 1-25.

- Baharom Bakar (2020). *Tubuh Pasukan Petugas Pulih Tanah Terbiar*
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/686462/tubuh-pasukan-petugas-pulih-tanah-terbiar>
- Bamwirende, W., Bashaasha. B., Ssembajjwe, W. & Place, F. (2006). The Puzzle of Idle Land in the Densely Populated Kigezi Highlands of Southwestern Uganda. *International Journal of Environment* 2(1), 1-13.
- Crains New York Article (2013). *City's Most Valuable Vacant Lots*. Diperolehi daripada
<http://www.crainsnewyork.com/article/20121126/REALESTATE/131129909/citys-most-valuable-vacant-lots>
- Data Asas Negeri Perak (2016). *Penduduk*. Diperolehi daripada
https://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/kerajaan_negeri/data_asas_2016.pdf
- Farhana Abdul Majid (2005). Pelaksanaan Pemulihan Tanah Pertanian Terbiar Di Luar Bandar, Kawasan Kajian: PB Pt. Sonto, Batu Pahat Johor. Dalam: Zarina Abdul Kadir (2016). *Kaedah Pengurusan Tanah Terbiar di Bandar: Kajian Kes Daerah Pontian*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Greenhalgh P. & Mc Cafferty A. (1996). Derelict Land Reclamation and English Partnership – Shedding Light on the New Resime. *Property Management*, 14, 10-16.
- Haris Abd Wahab dan Siti Hajar Abu Bakar Ah (2007). Perkembangan Pendekatan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 15(15), SEJARAH.
- Hasmida Mohd Othman (2007). *Pembangunan Tanah Bermilik terbiar (Kajian Kes: Bandaraya Alor Star)*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hostert, P., Kummerle, T., Pritchepov, A., Sieber, A., Lambin, E. F. & Radeloff, V. C. (2011). Rapid Land Use Change After Socio-economic Disturbances: The Collapse of the Soviet Union Versus Chernobyl. *Environmental Research Letters*, 6(4), 145201.
- Ibrahim Mohd @ Ahmad (1084). *Pembangunan Tanah Terbiar di dalam Kawasan Perancangan Pusat Kuala Lumpur*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Ishak Ismail (1991). *Kajian ke Atas Punca Tanah Terbiar di Kawasan Bandar. Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Omar (2014). *Land Questions: Aspects of Land Management and Development*. Johor Bahru: Pustaka Firdausi.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2012). *Garis Panduan Perancangan: Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (15 Julai 2020). *Sidang Akhbar: Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2020*. Diperolehi daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=dUhOTytNT05rRDlvSWF5MTNoN1VIUT09>
- Jabatan Pertanian Malaysia (2019). *Maklumat Tanah Terbiar*. Diperolehi daripada <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/411?mid=232>
- Joint Memorandum Circular* (16 September 2013). Idle Lands Taxation (ILT). Dalam: Zarina Abdul Kadir (2016). *Kaedah Pengurusan Tanah Terbiar di Bandar: Kajian Kes Daerah Pontian*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2019). *Dasar Semasa Industri Padi Negara*. Diperolehi daripada <http://www.mada.gov.my/wp-content/uploads/2019/09/EN.-SHAMSUDDIN-BIN-ISMAIL.pdf>
- Kumiawati Kamaruddin (14 Mei 2016). *Negara Perlukan Reformasi Tanah Terbiar*. Diperolehi daripada <https://malaysiadateline.com/negara-perlukan-reformasi-tanah-terbiar/>
- FELDA (2020). *Mengenai FELDA*. Diperolehi daripada <https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda>
- PKEINPk (2021). *Latar belakang dan Struktur Organisasi PKEINPk*. <http://www.pkeinpk.com/index.php/latar-belakang/carta-organisasi>
- PPPMP (2021). *Maklumat Korporat dan Carta Organisasi PPPMP*. Diperoleh daripada <http://www.pppmp.gov.my/portal/index.php/ms/maklumat-korporat/organisasi/carta-organisasi>
- Laporan Penilaian Projek ACDA* (2011). Diperolehi daripada http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awan/laporan_kajian_penilaian/2011/penilaian_projek_acda.pdf

- Laporan Penilaian Projek ACDA* (2014). Diperolehi daripada http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awan/laporan_kajian_penilaian/2014/penilaian_projek_acda_2011_2013.pdf
- Leal Filho, W., Mandel, M., Al-Amin, A. Q., Feher, A. & Chiappetta Jabbour, C. J. (2017). An Assessment of the Causes and Consequences of Agricultural Land Abandonment in Europe. *International Journal of Sustainable Development and World Ecology*, 24, 554-560.
- Lembaga Pertubuhan Peladang (2020). *Laporan Tahunan LPP Tahun 2010*. Diperolehi daripada <https://www.lpp.gov.my/article/view/laporan-tahunan-lpp-tahun-2010>
- Lembaga Pertubuhan Peladang (2020). *Laporan Tahunan LPP Tahun 2011*. Diperolehi daripada <https://www.lpp.gov.my/archive/view/laporan-tahunan-lpp-tahun-2011>
- Lembaga Pertubuhan Peladang (2020). *Pengenalan Pertubuhan Peladang*. Diperolehi daripada <https://www.lpp.gov.my/article/view/pengenalan-pertubuhan-peladang>
- Llanto, G. M. & Ballesteros, M. M. (2003). Land Issues in Poverty Reduction Strategies and the Development Agenda: Philippines. *Discussion Paper Series No. 2003-03, Phillipine Institue for Development Studies*.
- Lubowski, R. N., Platanga, A. J. & Stavins R. N. (2008). What Drives Land-use Change in the United States? A National Analysis of Landowner Decisions. *Land Economics* 84(4), 529-550.
- Majid, R. A. dan Said, R. (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf di Malaysia. *International Surveying Reserach Journal*, 4(1), 29-43.
- Md Said @ Mohd Zaid Abdullah dan Ismail Omar (2012). *Pembangunan Tanah dan Halangannya*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Mohamad Faldeli Alias (2007). *Kajian Ke atas Tanah-Tanah Terbiar (Kawasan Kajian: Kota Bharu, Kelantan)*. Projek Sarjana. Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohamed Akmal Dahalan (2019). *Permasalahan Pemakaian Seksyen 116 (1)(A) Kanun Tanah Negara 1965 Bagi Menangani Isu Tanah Bermilik Terbiar*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Shatar Sabran (2003). *An Introduction to Community Development and Leadership*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Mohd Sabree Nasri (2015). *Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norsuhadah Zakaria (2011). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tanah Terbiar (Kawasan Kajian: Mukim Tok Ku, Kota Bharu)*. Projek Sarjana. Diperolehi daripada
- Nyasa Times (2015). *Malawi Government Issues Ultimatum on Idle Land: To Resell to New Developers*. Diperolehi daripada <https://www.nyasatimes.com/malawi-govt-issues-ultimatum-on-idle-land-to-resell-to-new-developers/>
- Omar, I. (1999). The Supply Constraints on Indigenous Lands in Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, University of Aberdeen). Dalam Mohamed Akmal Dahalan (2019). *Permasalahan Pemakaian Seksyen 116 (1)(A) Kanun Tanah Negara 1965 Bagi Menangani Isu Tanah Bermilik Terbiar*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pazim Othman (1992). Land Abandonment in the Rice Sector: An Economic Analysis. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 26 (Disember 1992), 21-45.
- Pentadbiran Daerah Perak Tengah (2020). *Carta Organisasi, Data Hakmilik dan Jumlah Kutipan Cukai*.
- PLANMalaysia (2015). *Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030*.
- Prishchepov, A. V., Redeloff, V. C., Baunmann, M., Kummerle, T. & Radeloff, V. C. (2012). Effects of Institutional Changes on Land Use: Agricultural Land Abandonment During the Transition from State-command to Market-driven Economies in Post-Soviet Eastern Europe. *Environmental Research Letters*, 7, 024021.
- Radeloff, V. C., Nelson, E., Plattinga, A. J., Lewis, D. J., Helmers, D., Lawler, J., Whitey, J., Beaudry, F., Martinuzzi, S. & Butsic, V. (2012). Economic-based Projections of Future Land Use in the Conterminous United States under Alternative Policy Scenarios. *Ecological Applications*, 22, 1036-1049.

- Rohayu Abdul Majid dan Rosli Said (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf di Malaysia. *International Surveying Research Journal*, 4 (1), (29-43).
- Rusnadewi dan Noor Inayah (2010). *Masalah Kegagalan dan kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia*. Diperolehi daripada <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32037/1/32037.pdf>
- Salleh Buang (2014). *Land Tenure in Peninsular Malaysia. Prospects for Reform*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schwartz M.S. (09 Oktober 2015). *Why Does D.C Have So Many Vacant Houses, When Real Estate Is So Pricey?* Diperolehi daripada http://wamu.org/programs/metro_connection/15/10/09/why_does_dc_have_so_many_vacant_houses_when_real_estate_is_so_pricy
- Sharifah Salwa Syed Agil (2002). Memajukan Semula Tanah Terbiar. Dalam: Azima Abdul Manaf (2007). Keupayaan Pendekatan Institusi Dalam Menghurai Punca-punca Tanah Pertanian Terbiar Di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Jurnal e-Bangi*, 2 (2), 1-25.
- Sivalingam, G. (1993). *Malaysia's Agricultural Transformation*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications,
- Sulong, J., & Taha, M. M. (2016). Implications of Multiple Land Ownership in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(5), 408.
- Syms, P. (2002). *Land, Development & Design*. UK: Blackwell Publishing.
- Tan Hui Lian (2001). Tanah-tanah Terbiar di Kawasan Bandar Seremban: Isu dan Penyelesaian. Dalam: Norsuhadah Zakaria (2011). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Tanah Terbiar (Kawasan Kajian: Mukim Tok Ku, Kota Bharu)*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tarikuddin Hassan (2010). *Sejarah Empat Khalifah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Tesfaye, W. & Seifu, L. (2018). Climate Change Perception and Choice of Adaptation Strategies: Empirical Evidence from Smallholder Farmers in East Ethiopia. *International Journal of Climate Change Strategies and Management*, 8(2), 253-270.
- Thorncroft, M. (1965). *Principles of Estate Management*. London: The Estate Gazette
- Undang-undang Malaysia, *Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) & Perintah (2020)*. Petaling Jaya: International Law Book Services.

- Undang-Undang Malaysia, *Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965] & Peraturan-Peraturan* (2019). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- USDA-FSA (2007). *Conversation Reverse Program: Summary and Enrollment Statistics*. Diperolehi daripada https://www.fsa.usda.gov/Assets/USDA-FSA-Public/usdfiles/Conservation/PDF/annual_consv_2007.pdf
- Vincent, J. R. & Ali, R. M. (2010). Managing Natural Wealth: Environment and Development in Malaysia. Dalam: Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Mohammed Rizki Moi dan Riayati Ahmad, Potensi Wakaf dalam Mengusahakan Tanah Pertanian yang Terbiar. *Jurnal Pengurusan* 44(2015): 141-147.
- Wan Ibrisam Fikry Wan Ismail (2019). *Dasar Pertanian Negara: Pelaksanaan Pembangunan Tanah Padi*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Whitbread M., Mayne D. & Wickens D. (1991). *Tackling Vacant Land, An Evaluation of Policy Instruments for Tackling Urban Land Vacancy, Inner Cities Research Program*, Department of The Environment, HMSO
- Yan, J., Yang, Z., Li, Z., Li, X., Xin, L. & Sun, L. (2016). Drivers of Cropland Abandonment in Mountainous Areas: A Household *Decision Model on Farming Scale in Southwest China Land Use Policy*, 57, 459-469.
- Yin Chun-Yang & Suhaimin Abdul Talib. (2006). *Overview of Brownfields in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jurutera.
- Zakkak, S., Radovic, A., Nikolov, S. C., Shumka, S., Kakalis, L. & Kati, V. (2015). Assessing the Effect of Agricultural Land Abandonment on Bird Communities in Southern-Eastern Europe. *Journal of Environment Management*, 164, 171-179.
- Zarina Abdul Kadir (2016). *Kaedah Pengurusan Tanah Terbiar di Bandar: Kajian Kes Daerah Pontian*. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.